



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

18 Mei 2018

1. Projek Mega Ayam Kampung;Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Agro	M/SURAT:	<input type="text" value="39"/>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input checked="" type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
18 Mei 2018			

PENTERNAK ayam mampu menjana pendapatan

PROJEK MEGA AYAM KAMPUNG

JPV, PUSAKA gigih bimbing penternak, bakal penternak

INFO
 Topik seminar transformasi ayam kampung
 • Prospek dan dimensi baru
 • Pasaran dan modal projek
 • Tembusi pasaran ayam kampung premium
 • Pemprosesan dan pemasaran ayam kampung secara komersial
 • Mengatasi halangan penyakit dan teknik vaksinasi yang berkesan

Mohamad Husin
 mohamad_husin@hmetro.com.my

Penternakan ayam kampung antara yang mampu menjana pendapatan dan kini kewujudan ladang ternakan itu pula kian menyebarkan di serata dunia. Mengikuti rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), terdapat 1,043 ladang ayam kampung di seluruh negara pada tahun lalu.

Angka ini adalah 22 peratus sahaja daripada keseluruhan ladang unggas. Dari segi jumlah ayam, ia pernah dicatat lebih 10 juta ekor.

Namun, angka itu sentiasa berubah berkaitan penjualan dan penggantian induk.

Ketua Pengarah JPV Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, pihaknya banyak menerima permintaan daripada penternak dan bakal penternak untuk melabur membimbing menjadikan penternakan ayam kampung sebagai satu projek besar serta berkala komersial.

Beliau berkata, JPV sangat berbesar hati untuk membantu penternak yang mahu berkecimpung dalam penternakan ayam kampung.

"Kami dalam usaha memperincikan pensijilan kepada industri ayam kampung seperti dilakukan ke arah industri ayam pedaging.

"Pensijilan ini dapat memberi peluang pasaran kepada penternak terbah. Salah menjadi tanggungjawab jabatan ini membimbing dan membantu penternak.

"Jadi, mereka sentiasa berhubung dengan pegawai JPV di peringkat daerah dan negeri jika ingin mendapatkan khidmat nasihat, latihan dan bimbingan berternak," katanya selepas merasmikan Seminar Transformasi Ayam Kampung sempena Livestock Asia Expo dan Forum 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (P.K.C.C), baru-baru ini.

Turut hadir, Presiden Persatuan Usahawan Ayam Kampung Malaysia (PUSAKA) Ahmad Nabil Halib dan Ketua Pesa-Ang Pengarah, Bahagian Perancangan Komoditi Ternakan JPV, Dr Mohd Hishamunfariz Mohd Amin.

Dr Quaza Nizamuddin berkata, pihaknya akan menyediakan Panduan Rancangan Perniagaan bagi penternakan ayam kampung sebagai panduan untuk bakal penternak membuat persiapan.

"Saya terharu dengan kegigihan PUSAKA diterajui anak muda yang juga usahawan berjaya kerana mengajarkan seminar ini."

"Syabas saya ucapkan kepada presiden dan barisan kepimpinan PUSAKA yang menganjurkan seminar ini."

"Kepada peserta yang juga penternak dan bakal penternak sangat bertuah kerana dengan insiatif PUSAKA ini dapat menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman dari penceramah berpengalaman," katanya.

Menurutnya, peserta berpeluang melihat sendiri pameran yang ada di Livestock Asia Expo dan Forum 2018 satu pameran berkenaan penternakan yang mengemudikan teknologi dan inovasi terkini.

SEBAHAN peserta seminar bersama Dr Quaza Nizamuddin (depan lina dari kanan) dan Ahmad Nabil (depan empat dari kanan).

DR Mohd Hishamunfariz menyimpulkan ceramah.

Projek 'mega' ayam kampung

Penternakan ayam kampung antara yang mampu menjana pendapatan dan kini kewujudan ladang ternakan itu pula kian menyeluruh di serata dunia. Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), terdapat 1,043 ladang ayam kampung di seluruh negara pada tahun lalu. Angka ini adalah 22 peratus saja daripada keseluruhan ladang unggas. Dari segi jumlah ayam, ia pernah dicatat lebih 10 juta ekor. Namun, angka itu sentiasa berubah berikutan penjualan dan penggantian induk. Ketua Pengarah JPV Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, pihaknya banyak menerima permintaan daripada penternak dan bakal penternak untuk membantu membimbing menjadikan penternakan ayam kampung sebagai satu projek besar serta berskala komersial.

Beliau berkata, JPV sangat berbesar hati untuk membantu penternak yang mahu berkecimpung dalam penternakan ayam kampung. “Kami dalam usaha memperluaskan pensijilan kepada industri ayam kampung seperti dilakukan ke atas industri ayam pedaging. “Pensijilan ini dapat memberi peluang pasaran kepada penternak terbabit. Sudah menjadi tanggungjawab jabatan ini membimbing dan membantu penternak. “Jadi, mereka sentiasa berhubung dengan pegawai JPV di peringkat daerah dan negeri jika ingin mendapatkan khidmat nasihat, latihan dan bimbingan berterusan,” katanya selepas merasmikan Seminar Transformasi Ayam Kampung sempena Livestock Asia Expo dan Forum 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini.

Turut hadir, Presiden Persatuan Usahawan Ayam Kampung Malaysia (PUSAKA) Ahmad Najib Habeb dan Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan JPV, Dr Mohd Hishammfariz Mohd Amin.

Dr Quaza Nizamuddin berkata, pihaknya akan menyediakan Panduan Rancangan Perniagaan bagi penternakan ayam kampung sebagai panduan untuk bakal penternak membuat persiapan. “Saya terharu dengan kegigihan PUSAKA diterajui anak muda yang juga usahawan berjaya kerana menganjurkan seminar ini. “Syabas saya ucapkan kepada presiden dan barisan kepimpinan PUSAKA yang menganjurkan seminar ini. “Kepada peserta yang juga penternak dan bakal penternak sangat bertuah kerana dengan inisiatif PUSAKA ini dapat menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman dari penceramah berpengalaman,” katanya. Menurutnya, peserta berpeluang melihat sendiri pameran yang ada di Livestock Asia Expo dan Forum iaitu satu pameran berkenaan penternakan yang mengengahkan teknologi dan inovasi terkini.